

01 AUG 2003

Mahathir-jambatan/I

PROJEK GSB DITERUSKAN WALAUPUN TANPA PENYERTAAN S'PURA, KATA DR MAHATHIR

PUTRAJAYA, 1 Ogos (Bernama) -- Malaysia tidak akan meminta Singapura melibatkan diri dalam projek Gerbang Selatan Bersepadu (GSB) yang membabitkan pembinaan sebuah jambatan darat bagi menggantikan Tambak Johor yang menghubungkan kedua-dua negara, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata bahawa untuk membuat permintaan seumpama itu akan hanya melewatkan projek itu yang dijadual disiapkan pada 31 Dis 2005.

"Saya berpendapat kita tidak mahu melibatkan Singapura dalam perkara ini," katanya pada sidang media selepas menyaksikan majlis menandatangani kontrak antara kerajaan dan Gerbang Perdana Sdn Bhd, kontraktor bagi projek itu yang melibatkan pembinaan jambatan darat, sebuah jambatan kereta api dan kerja lain yang berkaitan dengan GSB.

Dr Mahathir ditanya sama ada beliau masih sedia menerima penyertaan Singapura dalam projek itu.

Beliau berkata bahawa dengan menggantikan sebahagian daripada Tambak, air dapat mengalir dan ini baik untuk alam sekitar selain membolehkan kapal melaluinya termasuk yang membawa kargo dari Pelabuhan Pasir Gudang ke Pelabuhan Tanjung Pelepas di Johor.

Kecuali dua pembetung kecil di bahagian bawahnya, Tambak Johor kini tertutup sepenuhnya, kata Dr Mahathir.

Beliau berkata kerajaan mempunyai dana yang cukup untuk membiayai projek itu dan tidak akan membuat pinjaman dari luar.

"Namun, bon tempatan akan diterbitkan jika perlu," kata Perdana Menteri.

Projek GSB berharga RM1.1 bilion itu terletak di Bukit Chagar, Johor Baharu, dan meliputi kawasan seluas 42.6 hektar. Ia akan mempunyai Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin (CIQ), Terminal JB Sentral, jambatan darat, jambatan kereta api dan jalan dalaman.

Projek itu dilaksanakan kerana Tambak Johor, yang dibuka pada 1924, perlu dibaiki bagi menampung jumlah kenderaan antarabangsa dan tempatan yang semakin meningkat selain untuk mengurangkan pencemaran udara dan bising.

Jambatan darat itu sepanjang 1.45km akan mempunyai jalan empat lorong bagi kedua-dua hala bagi kegunaan kenderaan ringan dan berat.

Satu ruang selebar 75 meter dan setinggi 25 meter juga disediakan bagi membolehkan kapal melaluinya.

Jambatan kereta api sepanjang 700 meter mempunyai sebuah jambatan bergerak sepanjang 150 meter yang akan membolehkan kapal melaluinya. Ia juga menyediakan perkhidmatan laluan kereta api ke Singapura dan sebaliknya.

Dr Mahathir berkata jambatan yang akan dibina itu pada asalnya lurus tetapi kini menjadi lengkok setelah "pihak satu lagi" tidak bersetuju dengan cadangan menggantikan Tambak itu.

Daripada melalui perbincangan yang mungkin berlarutan seperti yang berlaku dalam isu air antara Singapura dan Malaysia, kerajaan memilih untuk memulakan juga projek itu dengan meminda reka bentuk jambatan itu, katanya.

"Jadi kita kena reka satu jambatan yang nampak pelik sikitlah. Kalau tidak, ia tidak cukup tinggi atau sendeng. Kalau terlalu curam, lori tak boleh naik. Jadi kita kena buat jambatan yang berlengkok.

"Demikianlah nasib kita. Kita tidak mendapat kerjasama daripada orang lain, jadi kita kena terima cara kita untuk menyelesaikan masalah ini," katanya.

Dr Mahathir turut melahirkan harapan agar para kontraktor akan menjalankan kerja dengan baik dan menyiapkan projek mengikut jadual.

"Kebelakangan ini, kita tidak begitu berpuas hati dengan para kontraktor kerana apabila kita memberikan kontrak, mereka menjualnya kepada orang lain. Mereka juga membuat kerja yang kurang bermutu, membelanjakan wang bukan untuk projek tetapi untuk benda lain," katanya.

Dr Mahathir juga berkata kerajaan tidak mahu dipaksa membuat bayaran terus kepada kontraktor kecil.

"Kami harap kontraktor utama akan menguruskan wang yang mereka terima dengan baik. Saya harap satu sen pun tidak akan hilang," katanya.

Perdana Menteri merujuk secara sepintas lalu kepada masalah pembinaan makmal komputer di sekolah-sekolah di Pantai Timur baru-baru ini.

Pada majlis menandatangani kontrak itu, Gerbang Perdana diwakili oleh pengerusinya Tan Sri Razali Ismail manakala Ketua Pengarah Jabatan Kerja Raya (JKR) Tan Sri Zaini Omar mewakili kerajaan.

-- BERNAMA

MAM DC ROS